

ICI Ref: R9283/12-1/IOI Corporation Berhad-Syarimo Grouping ASA-01

21 Januari 2014

Kepada Pihak yang Berkepentingan,

Jemputan untuk memberi komen terhadap Penilaian Pengawasan Tahunan RSPO (ASA-02) ke atas IOI Corporation Berhad, Unit Pengurusan Ladang – PMU Syarimo Grouping, Kinabatangan, Sabah, Malaysia

IOI Corporation Berhad telah melantik Intertek Certification International Sdn Bhd bagi penilaian dan pensijilan Unit Pengurusan Ladang PMU, Syarimo Grouping bagi memenuhi keperluan *Rountable on Sustainable Oil Palm*, Prinsip dan Kriteria (RSPO P&C) dan selaras dengan Interpretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI) dan RSPO SCCS bagi Kilang Sawit.

Moody International Certification merancang untuk menjalankan Penilaian Pengawasan Tahunan IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Syarimo Grouping bermula dari 18 dan berakhir pada 21 February 2014.

Bagi memastikan bahawa organisasi memenuhi keperluan RSPO P&C, MYNI dan RSPO SCCS secara berterusan dan bagi mendapatkan maklum balas, Moody International Certification ingin menjemput pihak yang berminat untuk mengulas mengenai penilaian IOI Corporation Berhad Unit Pengurusan Ladang PMU, Syarimo Grouping. Unit bagi pensijilan ini terletak di Kinabatangan, Sabah.

Secara ringkas, IOI Corporation Berhad telah menjadi ahli kepada RSPO dari 18 Mei 2004 dan komited untuk mematuhi sepenuhnya RSPO P&C dan juga pensijilan penuh di dalam semua aspek operasinya. IOI Corporation Berhad memiliki dan mengendalikan 12 buah kilang minyak sawit dan 77 estet (seperti yang dikemaskini pada Jun 2012), di seluruh Malaysia dan Indonesia. Pada masa ini, sebilangan besar Unit Pengurusan Ladang (PMU) sedang menjalani proses mengesahkan RSPO selaras dengan rancangan pensijilan berjadual untuk mencapai pensijilan RSPO bagi keseluruhan PMU pada penghujung tahun 2016.

Butiran lanjut kilang memproses dan ladang kelapa sawit untuk penilaian adalah berikut:

PMU: Syarimo Grouping

Jadual 1: Alamat Kilang Kelapa Sawit, Estet dan Lokasi (GPS)

Nama	Alamat	Rujukan GPS	
		Latitud	Longitud
Syarimo Palm Oil Mill	Sg. Pin Kinabatangan	05°20'0.82"N	117°46'52.50"E
Syarimo 1	Sg. Pin Kinabatangan	05°19.742'N	117°49.510'E
Syarimo 2	Sg. Pin Kinabatangan	05°19.642'N	117°47'.077'E
Syarimo 3	Sg. Pin Kinabatangan	05°19.769'N	117°46.561'E
Syarimo 4	Sg. Pin Kinabatangan	05°23.041'N	117°45.877'E
Syarimo 5	Sg. Pin Kinabatangan	05°21.065'N	117°42.938'E
Syarimo 6	Sg. Pin Kinabatangan	05°18.919'N	117°45.707'E
Syarimo 7	Sg. Latangan Kinabatangan	05°17.792'N	117°42.124'E
Syarimo 8	Sg. Latangan Kinabatangan	05°19.235'N	117°41.489'E
Syarimo 9	Sg. Latangan Kinabatangan	05°15.714'N	117°42.546'E

Intertek Certification International Sdn Bhd sebelum ini dikenali sebagai Moody International Certification (Malaysia) Sdn Bhd. Intertek Group adalah organisasi yang memberi perkhidmatan teknikal di seluruh dunia khusus untuk mengurangkan risiko pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan teknikal, pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pensijilan produk, RSPO SCC, ISCC, Marine Sustainability Chain-of-Custody, MTCS dan pensijilan PEFC Chain-of Custody dalam sektor industri berkaitan termasuk sektor pertanian dan perhutanan. Intertek beroperasi di seluruh dunia menyediakan pelanggan dengan kepakaran pemeriksaan teknikal luas dan akses kepada beribu-ribu pakar mahir di seluruh dunia. Perniagaan pensijilan Intertek Group berada dalam kedudukan 10 teratas di seluruh dunia, dan boleh didapati di seluruh dunia serta menawarkan pensijilan dalam pelbagai industri.

Intertek Certification International Sdn Bhd telah melantik pasukan penilai seperti berikut:

- **Ketua Penilai:**
 - Encik Augustine Loh (Alam Sekitar, OHSAS, Kilang Kelapa Sawit, HCV, dan Hak Milik Tanah)
- **Penilai:**
 - Encik Chen Fai Kok (Amalan Pertanian yang Baik dan Pengurusan Perosak Bersepadu)
 - Encik Jumat bin Majjid (Sosial)

Bagi penilaian yang akan dilaksanakan seperti yang dinyatakan di atas, Intertek Certification International Sdn Bhd, ingin menjemput pihak berkepentingan untuk memberi komen (jika ada), berkaitan dengan hal-hal yang berikut berkenaan dengan lokasi penilaian:

- Perlindungan alam sekitar
- Permeliharaan 'Biodiverisiti'
- Peluang Pekerjaan
- Pembangunan Komuniti
- Lain-lain hal berkaitan penilaian yang relevan

Komen-komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan semasa penilaian persijilan dilakukan. Sila salurkan komen anda kepada:

Mr. Augustine Loh
RSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn Bhd
6-L12-01, Level 12, Tower 2, Menara PGRM,
No. 6 & 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603 9283 9881 Fax: 603 9284 8187
Email: augustine.loh@intertek.com

Mr Too Heng Liew
Head of Sustainability (Malaysia / Indonesia)
IOI Corporation Berhad,
Level 8, Two IOI Square, IOI Resort,
62502, Putrajaya
Tel: 603-89478888
Fax: 603-89478988
Email: hltoo@ioigroup.com

Terima kasih di atas komen dan maklumbalas yang anda berikan.

Yang benar,



Augustine Loh
RSPO Program Manager
Intertek Certification International Sdn. Bhd.